



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

SEMANTIK INKUISITIF DALAM CERITA RAKYAT

**NUR EZATULL FADTEHAH BINTI HEDEL
(61976)**

**Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Universiti Malaysia Sarawak**

2020

SEMANTIK INKUISITIF DALAM CERITA RAKYAT

oleh

**NUR EZATULL FADTEHAH BINTI HEDEL
(61976)**

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

2020

Perkara Depan Laporan PTA No 2: Pengisytiharan Keaslian Kerja/ *FYP Report Front*

Matter No. 2: Declaration of Original Work

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*

(√)

Projek Tahun Akhir/

Final Year Project

Sarjana/*Masters*

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Perakuan ini telah dibuat pada 27 JULAI hari ISNIN 2020.

This declaration is made on the JULY 27 day of MONDAY 2020.

Pengakuan Pelajar:

Saya NUR EZATULL FADTEHAH BINTI HEDEL (61976), FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini

mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk SEMANTIK INKUISITIF DALAM CERITA RAKYAT adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Student's Declaration:

I NUR EZATULL FADTEHAH BINTI HEDEL (61976) FACULTY OF LANGUAGE AND COMMUNICATION hereby declare that

the work entitled INQUISITIVE SEMANTICS OF FOLKLORE is my

original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

27 JULAI 2020

NUR EZATULL FADTEHAH
BINTI HEDEL (61976)

Pengesahan Penyelia:
Supervisor's Declaration:

Saya (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk (TAJUK) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan

..... (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

I.....
.....
work entitled

(SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the

.....
..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the

conferment of (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:
Received for examination by: _____

Tarikh:
Date: _____

(Nama penyelia)/ (Name of the supervisor)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)) :
I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
 TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
 AKSES TERBUKA

Pengesahan Projek / Tesis
Validation of Project/Thesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- *This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.*

Tandatangan Pelajar/*Student's signature*:

Tandatangan Penyelia/*Supervisor's signature*:

Nur Ezatull Fadtehah Binti Hedel
(27 Julai 2020)

(Tarikh/*Date*)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student:*
NO31A KAMPUNG BARU HILIR 95700 BETONG, SARAWAK

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]
[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

ABSTRAK

Tradisi lisan dan tulisan telah wujud suatu ketika dahulu yang diketengahkan melalui pelbagai karya-karya yang tinggi nilainya. Karya-karya tersebut diolah kerana menjadi medium untuk menyampaikan kata-kata nasihat, teguran, sindiran dan falsafah untuk dijadikan pedoman dan sempadan hidup para pembaca. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengkaji semantik inkuisitif dalam cerita rakyat. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti ujaran yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan dan menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dalam cerita rakyat. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk eksploratori dan menggunakan data korpus iaitu Buku Antologi Enam Hikayat dengan memilih Hikayat Nakhoda Muda untuk dikaji. Kaedah pengumpulan data berdasarkan data primer dan data sekunder manakala data dianalisis berdasarkan tiga peringkat iaitu peringkat semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Teori yang mendasari pencarian makna ialah Teori Relevans. Kajian ini juga memasukkan falsafah serta akal budi masyarakat terdahulu, ilmu dari bidang lain dalam mencungkil persoalan penggunaan leksikal-leksikal dalam cerita rakyat tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa setiap leksikal yang digunakan di dalam cerita rakyat mempunyai makna yang tersendiri dan perlu dirungkai berdasarkan analisis semantik inkuisitif.

Kata kunci: Perbualan aneh, cerita rakyat, semantik inkuisitif

ABSTRACT

Oral and written traditions already existed in the past which are highlighted through various high value work. These works are processed as a medium to convey a words of advice, reprimand, satire and philosophy to be a guide to the lives of the readers. The purpose of this study was to study the inquisitive semantics in folklore. The objectives of thos study are to identify utterances that display strange behaviors that opposite the norms of life and analyse the influence of culture and common sense in folklore. This study is a qualitative study and using a exploratory design uses a corpus data that is the Anthology Book of Six Hikayat by choosing Hikayat Nakhoda Muda. The method of data collection is based on primary and secondary data while all the data is analysed based on three stages which is script semantics, resonans semantics and inquisitive semantics. Relevance Theory was using by this study. This study also includes the philosophy and common sense of the previous society, knowledge from other fields in unearthing the questions of every lexical that were using in the folklore. The result found that each lexical used in folklore has its own meaning and need to be dismantled based on inquisitive semnatic analysis.

Keywords: *Strange conversation, folklore, inquisitive semantics*

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir yang bertajuk Semantik Inkuisitif dalam Cerita Rakyat ini tanpa sebarang kerumitan dan permasalahan yang besar. Selain itu, kejayaan dalam menyiapkan projek ini juga tidak akan mampu tercapai tanpa tunjuk ajar, galakan, sokongan dan dorongan daripada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Di samping itu, sekalung penghargaan juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu **Hedel Bin Bahari** dan **Misna Binti Mornie** kerana telah memberikan restu kepada saya sehingga dipermudahkan segala urusan dalam menjalankan kajian semantik inkuisitif ini. Selain itu, jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan khususnya kepada penyelia Projek Akhir Tahun saya iaitu **Dr. Fatimah Hj. Subet** kerana memberikan sepenuh kepercayaan, tunjuk ajar dan sokongan yang terus- menerus kepada saya daripada awal sehingga berakhirnya kajian ini. Beliau telah memberikan banyak kata semangat kepada saya agar tidak mudah berputus asa sehinggalah saya terinspirasi dan termotivasi dengan kata-kata yang dilontarkan oleh beliau. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan-rakan saya terutamanya kepada **Rafidah Binti Ganti** dan **Saidatul Nisha Binti Abdul Salam** kerana banyak membantu saya dalam menyempurnakan kajian Projek Akhir Tahun ini dan tidak lokek berkongsi ilmu agar sama-sama maju ke depan dalam segenap hal. Diharap agar kajian ini berguna kepada semua orang agar sama-sama dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	II
ABSTRAK	VI
ABSTRACT	VII
PENGHARGAAN	VIII
SENARAI KANDUNGAN	IX
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI RAJAH	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Pemasalahan kajian	4
1.3 Tujuan kajian	5
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Definisi Terma Utama	
1.5.1 Semantik Inkuisitif	5
1.5.2 Cerita rakyat	6
1.5.3 Akal budi	7
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Bidang dan batasan kajian	10
1.8 Kesimpulan	10

BAB 2:SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	11
2.1 Kajian di Malaysia	11
2.2 Kajian luar negara	20
2.3 Kesimpulan sorotan dalam dan luar negara	21

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	22
3.1 Reka bentuk kajian	22
3.2 Instrumen kajian	23
3.3 Prosedur pengumpulan data	23
3.3.1 Data Primer	23
3.3.2 Data Sekunder	24
3.4 Kaedah menganalisis data	24
3.5 Kaedah mempersembahkan data	26
3.6 Kesimpulan	33

BAB 4: MENGANALISIS DATA

4.0 Pengenalan	34
4.1 Analisis data (1-10)	34
4.2 Kesimpulan bab	101

BAB 5: KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	102
5.1 Ringkasan dapatan kajian	102
5.2 Sumbangan dan implikasi kajian	103
5.3 Cadangan kajian akan datang	103

5.4 Kesimpulan	104
Rujukan	105

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Jadual 1	26
2 Jadual 2	34
3 Jadual 3	42
4 Jadual 4	48
5 Jadual 5	54
6 Jadual 6	60
7 Jadual 7	67
8 Jadual 8	73
9 Jadual 9	80
10 Jadual 10	86
11 Jadual 11	95

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Perkara yang terdapat dalam metodologi kajian	22
2	Peringkat analisis	24
3	Pendekatan Semantik Inkuisitif	25
3	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi hutan, payung dan padang.	27
4	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi rumah dan dapur.	36
5	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi kayu api dan mengendong.	43
6	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi langsung dan dimakan	49
7	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi manusia, tahi dan anjing.	55
8	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi manusia, jambatan dan monyet.	61
9	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi kasut dan sungai.	68
10	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi rumah dan berdehem.	74
11	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi air pasang.	81
12	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi matahari dan kain.	87
13	Gambaran kognitif perbualan yang aneh bagi biri-biri.	96

SENARAI SINGKATAN

UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
S.W.T	Subahana Wa Taala
ms	Muka surat

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Malaysia mempunyai banyak khazanah bernilai yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita dahulu seperti cerita rakyat, dongeng, pantang larang dan banyak lagi. Hal ini demikian kerana khazanah seperti ini banyak mempunyai mesej yang terkandung secara tersurat dan tersirat bagi menyampaikan sesuatu maksud tersebut.

Salah satu cerita rakyat digunakan oleh nenek moyang kita dahulu bagi dijadikan pedoman dan suri teladan kepada anak cucu-cicitnya atau generasi-generasi akan datang adalah cerita hikayat. Cerita rakyat disampaikan secara lisan suatu ketika dahulu dan mempunyai unsur jenaka bagi menarik perhatian anak-anak muda untuk mendengar cerita tersebut. Tujuan utama cerita rakyat tersebut disampaikan supaya anak muda dapat memahami konteks yang hendak disampaikan dan bukan hanya sekadar berhibur semata-mata. Umum mengetahui bahawa salah satu kaedah pembelajaran orang dahulu adalah dengan menyampaikan cerita rakyat ataupun cerita lipur lara dimana pembelajaran secara tidak langsung atau informal digunakan.

Namun, kesan daripada kemajuan teknologi muktahir ini menyebabkan pemahaman terhadap cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Malaysia berkurangan. Hal ini demikian kerana cerita rakyat sukar difahami sekiranya masyarakat tersebut tidak dibiasakan dengan identiti budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif digunakan bagi membantu dalam memahami makna implisit di sebalik cerita rakyat hikayat tersebut.

Keunikan cerita rakyat hendaklah dihargai oleh setiap lapisan masyarakat supaya tidak lenyap ditelan zaman seiring dengan peredaran zaman. Umum mengetahui bahawa cerita rakyat

merupakan salah satu identiti Malaysia yang kaya dengan ratusan cerita rakyat daripada setiap negeri di Malaysia.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sastera rakyat adalah sastera lisan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu terdahulu. Sastera lisan mula berkembang dalam masyarakat yang dimiliki bersama dan penyebaran sastera rakyat adalah secara lisan dari mulut ke mulut yang diwarisi daripada nenek moyang kepada generasi-generasi yang seterusnya. Mohd Taib Osman (1976) menyatakan bahawa kesusasteraan rakyat juga bermakna kesusasteraan lisan, seni tuturan atau kesusasteraan ekspresif dan merujuk kepada kesemua bentuk bahasa yang mengandungi seni sastera yang merangkumi bahasa rakyat, nyanyian rakyat, cerita rakyat, puisi rakyat, ungkapan rakyat (peribahasa) dan kesemua prosa dan puisi tradisi sama ada berstruktur cerita atau bukan cerita yang berlegar-legar dalam sesuatu masyarakat melalui lisan dan diwarisi oleh generasi-generasi terdahulu tanpa mengetahui siapa penciptanya.

Seni sastera juga bermutu dan estetik, berperanan penting sebagai panduan, petunjuk serta pengajaran yang dihasilkan oleh rakyat, tidak terbatas kepada masyarakat Melayu sahaja bahkan masyarakat lain juga. Sastera rakyat juga merangkumi aspek kebudayaan dan pandangan dunia berkenaan masyarakat tradisi di mana pewarisan sastera rakyat ini dijalinan menerusi hubungan komunikasi seterusnya mencetuskan kreativiti. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi jika sastera rakyat memiliki kekuatan yang utuh kerana dapat membErikan pedoman serta pengajaran berguna kepada masyarakat tradisi.

Menurut Taib Othman (1991) juga, cerita rakyat Melayu juga adalah sebahagian besar daripada sastera milik masyarakat Melayu yang telah disampaikan daripada satu generasi ke generasi yang lain sejak zaman berzaman. Cerita rakyat Melayu iaitu hikayat adalah hasil pengucapan dan ujaran masyarakat Melayu yang beragama Islam. Di samping itu, Mohd Taib

Othman (1991) dan Normaliza Abd Rahim (2014) masing-masing bersetuju bahawa cerita rakyat Melayu iaitu Hikayat adalah salah satu warisan tradisi yang diwarisi kepada generasi-generasi berikutnya dan cerita rakyat Melayu Hikayat ini sebenarnya masih lagi relevan dan popular serta diminati bukan sahaja masyarakat Melayu itu sendiri bahkan pengkaji yang berlatarbelakangkan pelbagai budaya dan etnik juga meminati cerita rakyat ini. Hal ini demikian kerana setiap penyampaian cerita-cerita rakyat Melayu Hikayat tersebut sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman hidup setiap lapisan masyarakat dalam menjalani kehidupan.

Jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah mengangkat nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu iaitu Hikayat sebagai satu aspek yang sangat penting bagi diaplikasikan dalam hidup bagi menjana kehidupan yang lebih baik. Tambahan pula, menurut Normaliza Abd Rahim juga menyatakan bahawa nilai-nilai-nilai murni juga sebenarnya dapat memberikan impak yang lebih positif kepada perubahan diri individu tersebut kerana cerita rakyat Melayu hikayat yang diturunkan oleh nenek moyang kita dahulu sangat sarat dengan pelbagai nilai-nilai murni yang boleh membentuk nilai positif dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya.

Oleh itu, kajian cerita rakyat penting supaya generasi akan datang juga dapat mengetahui dengan lebih dekat apa yang ingin disampaikan di dalam cerita rakyat tersebut dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif kerana pendekatan ini mampu menarik minat generasi akan datang untuk mudah memahami budaya dan mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka kerana semantik inkuisitif merupakan satu kajian yang mencungkil hingga ke akal budi masyarakat tersebut melalui peringkat-peringkat yang penting iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat paling penting peringkat semantik inkuisitif.

1.2 PEMASALAHAN KAJIAN

Kajian semantik inkuisitif bukanlah suatu kajian yang baharu, namun, kajian semantik inkuisitif banyak tertumpu kepada kajian peribahasa di mana pengkaji lepas mengkaji semantik inkuisitif dalam bahasa Iban iaitu “Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku’ Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif” daripada Russel Dundang dan Mary Fatimah Subet (2018), peribahasa Tamil daripada Tangaprabu Murthy (2018) berjudul “Imej Rumput Dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif” dan peribahasa Melayu seperti kajian Muhammad Zaid Daud (2018) iaitu Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu. Kajian-kajian lepas banyak mengaitkan penggunaan imej alam sekeliling dari segi flora dan fauna dan mengaitkan dengan akal budi sesuatu masyarakat tersebut. Oleh kerana kajian lepas banyak tertumpu kepada kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa, maka, kajian kali ini tertumpu kepada kajian semantik inkuisitif dalam cerita rakyat kerana kajian cerita rakyat menggunakan pendekatan semantik inkuisitif adalah kurang dan sukar untuk mendapatkan kajian lepas berkenaan cerita rakyat semantik inkuisitif tersebut.

Selain itu, kajian lepas juga banyak mengkaji cerita rakyat namun hanya mengkaji implikatur atau implisit dalam ujaran cerita rakyat tersebut dengan menggunakan pendekatan Teori Relevans. Namun kebanyakan kajian tersebut tidak menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang mengaitkan dengan budaya dan akal budi sesuatu masyarakat tersebut. Contohnya seperti kajian daripada Mohd Aris (2017) iaitu ujaran berimplikatur dalam Sulalatus Salatin yang mengkaji ujaran-ujaran berimplisit menggunakan teori logik iaitu Teori Relevans.

Justeru, kajian ini lebih tertumpu kepada semantik inkuisitif dalam cerita rakyat berbentuk hikayat disebabkan cerita rakyat menggunakan pendekatan semantik inkuisitif kurang dikaji dan diberi penekanan. Hal ini dikhuatiri cerita-cerita seperti ini lenyap ditelan zaman. Oleh itu, kajian-kajian lepas boleh ditambah baik apabila kajian implikatur atau implisit menggunakan

pendekatan semantik inkuisitif kerana pendekatan tersebut mampu mencungkil persoalan yang berlegar-legar seperti mempersoalkan kenapa, kenapa dan kenapa sehingga mencapai satu jawapan yang konkrit dan diterima umum.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji semantik inkuisitif dalam cerita rakyat.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi memenuhi tujuan kajian ini, terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan

- i) Mengetahui pasti ujaran yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan.
- ii) Menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dalam cerita rakyat tersebut.

1.5 DEFINISI TERMA UTAMA

1.5.1 SEMANTIK INKUISITIF

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014), Semantik Inkuisitif merupakan salah satu kajian yang turut mentafsir makna berdasarkan data, teori kognitif dan falsafah demi mencungkil akal budi penututnya. Semantik Inkuisitif. Muhammad Zaid Daud (2018) telah menerangkan bahawa bidang Semantik Inkuisitif merupakan satu bidang yang multidisiplin kerana tidak terbatas kepada bidang bahasa dan linguistik sahaja malah turut melibatkan bidang yang lain seperti Sejarah, Geografi, Etimologi, Budaya, Agama, Sains, Sosiologi dan banyak lagi.

Terdapat beberapa peringkat untuk mencapai Semantik Inkuisitif. Pada peringkat pertama dikenali Semantik Skrip iaitu mentafsir data secara permukaan sahaja atau lebih dikenali mentafsir makna secara harfiah sahaja. Pada peringkat seterusnya dikenali Semantik

Resonans iaitu mula melibatkan minda dengan mengaitkan objek serta makna. Pada peringkat Semantik Resonans ini, teori yang mendasari kajian ini merupakan Teori Relevan. Manakala pada peringkat yang terakhir barulah mengkaji Semantik Inkuisitif iaitu satu kajian yang mengajak pengkaji untuk meneroka makna dan falsafah di sebalik kajian yang dijalankan.

Semantik Inkuisitif merupakan satu gabungan yang konkrit iaitu hasil gabungan kajian Semantik dan inkuisitif iaitu bidang pragmatik. Umum mengetahui bahawa kajian Semantik merupakan kajian yang mengkaji makna manakala istilah inkuisitif pula digunakan membawa maksud semangat ingin tahu serta mendorong pengkaji untuk terus menerus mencari jawapan yang sebenar dan dihajati kepada persoalan yang berlegar-legar di dalam kajian tersebut. Dalam kajian ini, Semantik Inkuisitif diterapkan bagi mengkaji data yang memaparkan tingkah laku aneh yang telah menyalahi norma-norma kehidupan.

1.5.2 CERITA RAKYAT

Menurut Mohd Taib Othman (1991), cerita rakyat merupakan sebahagian daripada sastera milik bersama oleh masyarakat Malaysia yang telah disebarikan dari mulut ke mulut kepada generasi-generasi yang seterusnya. Cerita rakyat berbeza-beza cara penyampaian mengikut sesuatu kawasan tersebut. Menurut Normaliza Abd Rahim (2014), cerita rakyat merupakan salah satu warisan teragung turunan asli tradisi yang diturunkan kepada generasi-generasi kemudian atau seterusnya dan masih diminati oleh masyarakat Melayu yang meminati sastera khususnya sehingga kini. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat tersebut mempunyai keunikan yang tersendiri kerana penyampaiannya sarat dengan mesej yang tersurat dan tersirat yang dapat dijadikan pedoman kepada sesebuah masyarakat yang menjalani kehidupan. Khazanah tradisi yang masih wujud sehingga kini merupakan salah satu hasil turunan nenek moyang kita seperti cerita rakyat (lagenda, dongeng, hikayat), teka-teki, puisi rakyat (pantun,

gurndam, syair), bahasa rakyat (loghat), adat istiadat, kepercayaan rakyat, pakaian tradisional dan muzik rakyat.

Oleh kerana cerita rakyat tersebut disampaikan secara lisan, maka terdapat perubahan dan tokoh tambah dari segi jalan cerita, watak dan perwatakan, latar masa dan tempat yang dipadankan dengan cara penyampaian sesuatu masyarakat dalam sesebuah kawasan tersebut. Oleh itu, wujud pelbagai versi atau kelainan dalam cerita rakyat tersebut, contoh yang dekat dengan masyarakat ialah cerita “Bawang Merah dan Bawang Putih” sama jalan cerita dengan cerita “Ikan Emas” iaitu sama dari segi perwatakan anak yang kematian ibu kandung mereka akibat ditolak oleh seseorang ke dalam sungai dan akhirnya mati lemas. Ibu mereka akhirnya berubah menjadi ikan. Begitu juga dengan cerita “Musang Berjanggut”, sama jalan cerita dengan “Hikayat Nakhoda Muda” iaitu cerita rakyat yang dikaji dalam kajian ini iaitu perlakuan aneh dalam cerita Musang Berjanggut dilakukan oleh wanita, namun dalam cerita Hikayat Nakhoda Muda dilakukan oleh dua orang pemuda dipercayai anak Menteri besar.

1.5.3 AKAL BUDI

Abdullah Hassain (2005) dalam Kamus Simpulan Bahasa telah menakrifkan bahawa akal budi adalah satu “fikiran sihat”. Maksud tersebut telah diperluaskan lagi maknanya iaitu menjadi sesuatu pemikiran yang bijaksana dan sihat. Menurut Aminudin Mansor (dalam Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin, 2016), konsep akal budi dalam bidang bahasa dapat diperincikan lagi melalui akal yang merupakan salah satu anugerah Allah SWT yang tidak ternilai diberikan kepada semua manusia. Dalam kehidupan bangsa Melayu pula, akal budi merupakan salah satu falsafah dan budaya yang begitu istimewa, iaitu akal budi yang mencerminkan perbuatan, kehalusan jiwa dan secara lazimnya terserlah melalui seni tampak mahupun seni sastera.

Dalam kajian ini, akal budi digunakan untuk merungkai persoalan yang bermain di minda supaya jawapan yang lebih konkrit dan logik diperoleh dengan mudah. Akal budi juga turut digunakan bagi membenarkan seseorang itu berfikir jauh iaitu berfikir diluar kotak kerana jawapan bagi persoalan dalam Semantik Inkuisitif tidak dapat dirungkai secara harfiah dan kognitif sahaja kerana cerita rakyat yang direka bukan untuk penulisan semata-mata. Hal ini demikian kerana ada mesej yang hendak disampaikan dan ada sebab penggunaan segala leksikal yang digunakan. Penggunaan akal budi dalam konteks ini amat berguna kerana memerlukan kebijaksanaan dalam merungkai persoalan yang dikemukakan dalam cerita rakyat yang dikaji bagi mendapatkan jawapan dihajati, konkrit dan logik akal.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian semantik inkuisitif dalam cerita rakyat sangat penting bagi membantu penyelidik memberi pendedahan kepada masyarakat untuk meneliti semula makna cerita rakyat tersebut (Hanks, 2009). Penelitian ini penting kerana tidak semua ujaran atau ayat yang ditulis dalam cerita rakyat mampu difahami oleh semua orang tanpa memproses makna tersebut. Umum mengetahui bahawa penggunaan ujaran atau ayat berimplisit dalam cerita rakyat sebenarnya menyuruh kita supaya berfikir dengan lebih kritis di samping mengekalkan keaslian cerita rakyat tersebut. Bagi memudahkan penelitian semula makna dalam cerita rakyat ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi membantu generasi-generasi sekarang dan akan datang untuk memahami cerita rakyat dengan mudah supaya cerita rakyat ini masih mendapat tempat selari dengan kemajuan teknologi.

Selain itu, dalam kajian Muhammad Zaid Daud (2018) turut menyatakan bahawa kajian ini juga penting kerana dapat membantu pengkaji memberikan serba sedikit pengetahuan bahawa pemberian makna dalam cerita rakyat tidak terhad dan terbatas kepada semantik skrip

dan semantik resonans sahaja. Hal ini demikian kerana, pemberian makna secara harfiah dan kognitif tidak dapat membantu pengkaji akan datang mengaitkan sesuatu sehingga ke akal budi masyarakat dan persoalan yang timbul tidak memuaskan hati para pengkaji. Kesannya, pemahaman terhadap cerita rakyat kurang dan dikhuatiri cerita rakyat ini akan lenyap ditelan zaman.

Seterusnya, Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa pendokumentasian sangat penting dalam menyelamatkan hasil warisan. Kepentingan kajian semantik inkuisitif dalam cerita rakyat juga dapat membantu pengkaji dalam pendokumentasian cerita rakyat. Pendokumentasian cerita rakyat merupakan laporan lengkap berkenaan semantik inkuisitif dalam cerita rakyat tersebut yang dipersembahkan secara bertulis atau bertaip. Proses pendokumentasian penting di mana mengumpulkan bahan-bahan yang telah dikaji untuk direkod bagi tujuan rujukan pada masa hadapan. Sebagai contoh, kajian ini boleh dibukukan sebagai bahan rujukan pengkaji akan datang bagi mengisi kelompangan kajian ini di samping dapat dijadikan bahan bukti bahawa kajian ini sangat penting. Hal ini demikian kerana kajian terhadap cerita rakyat akan berkurangan dan usaha mendokumentasikan ini salah satu cara menyelamatkan warisan tradisi turun-temurun ini supaya tidak lenyap ditelan zaman.

Akhir sekali, pengkaji berpendapat bahawa kepentingan kajian ini juga mampu mencetus idea kepada pengkaji lain untuk mengkaji semantik inkuisitif dalam cerita rakyat lain tidak terhad kepada cerita rakyat berbentuk hikayat. Contohnya mengkaji semantik inkuisitif dalam cerita rakyat dongeng atau legenda bagi mengekalkan kesenian warisan nenek moyang kita.

1.6 BIDANG DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya menekankan Semantik Inkuisitif dalam cerita rakyat iaitu Hikayat Nakhoda Muda. Hikayat Nakhoda Muda dipilih kerana terdapat banyak ungkapan yang menunjukkan tingkah laku aneh dan pengkaji merasakan ada rahsia yang perlu diperjelaskan disebalik ungkapan tersebut atau lebih dikenali sebagai ujaran berimplisit. Di samping itu, pengkaji akan mengkaji ujaran dalam cerita rakyat tersebut hanya dengan menggunakan Semantik Inkuisitif.

1.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini hanya bersandarkan kepada kajian Semantik Inkuisitif cerita rakyat iaitu hikayat bagi mengatasi kelompangan kajian-kajian yang terdahulu dengan berpandukan dua objektif kajian di atas iaitu mengenal pasti dan menganalisis makna ujaran yang memaparkan tingkah laku aneh yang menyalahi norma-norma kehidupan serta menganalisis pengaruh budaya dan akal budi dalam cerita rakyat tersebut.